

**NO. SOALAN: 522**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10708**

**SOALAN:**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes penipuan kad kredit yang membabitkan penipu yang menyamar sebagai pegawai bank untuk membohong mangsa. Berapakah telah ditangkap, didakwa dan disabitkan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberi perhatian khusus berhubung kes penipuan dengan menggunakan modus operandi penyamaran sebagai pegawai bank yang menghubungi mangsa berhubung masalah kad kredit atas nama mangsa yang pada hakikatnya mangsa tidak pernah mempunyai akaun kad kredit tersebut. Mangsa kemudian akan diperdaya untuk memindahkan wang ke akaun pihak ketiga sementara siasatan terhadap kes ini dijalankan. Sindiket penipuan telekomunikasi ini juga dikenali sebagai “Macau Scam”.**

**Statistik kes penipuan kad kredit menggunakan Modus Operandi menyamar sebagai pegawai bank yang direkodkan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 297 kes telah direkodkan dengan kerugian sebanyak RM14,484,450.81 dan 44 kes telah dituduh. Manakala pada tahun 2017, sebanyak 594 kes telah direkodkan dengan kerugian berjumlah RM19,689,329.83 dan 123 kes telah dituduh. Sehingga Februari 2018 pula sebanyak 93 kes telah direkodkan dengan jumlah kerugian sebanyak RM8,072,421.54 dan 24 kes telah dituduh.**

**Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited dalam mengatasi kes-kes jenayah seumpama ini. Antara usaha yang telah dilakukan adalah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang untuk mengesan, menangkap dan seterusnya mendakwa individu-individu atau sindiket yang merancang atau melakukan jenayah**

penipuan ini. Siasatan juga turut dibuat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFAPUAA) 2001. Selain itu, tindakan yang lebih tegas juga diambil terhadap sindiket ini menggunakan peruntukan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959.

Untuk tujuan tersebut, pihak PDRM telah menubuhkan pasukan petugas khas yang terdiri daripada lain-lain agensi penguatkuasa tempatan dan luar negara, pakar industri serta penyedia perkhidmatan *online* dalam usaha mengekang aktiviti jenayah atas talian seperti ini.

Selain tindakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih agresif, pihak kerajaan juga menjalankan kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat supaya tidak mudah panik, tidak mudah percaya, sentiasa teliti dan cermat, berfikiran tenang, membuat semakan dan pengesahan sebelum mengambil sesuatu keputusan supaya tidak menjadi mangsa jenayah penipuan.